

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menjamin kelangsungan industri minyak dan gas ketika kejatuhan pasaran harga minyak dunia hari ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang Ringgit merupakan fenomena jangka pendek, Kerajaan akan mengambil beberapa langkah proaktif untuk menjamin kelangsungan industri minyak dan gas negara.

Kerajaan menyedari bahawa industri minyak dan gas di Malaysia agak bergantung kepada kerja-kerja dan projek-projek domestik. Dengan kejatuhan harga minyak, terdapat projek-projek tempatan yang tidak lagi ekonomik dan memberi kesan kepada industri tempatan. Dalam hal ini, kebergantungan industri kepada projek domestik perlu dikurangkan dan keupayaan syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai pasaran serantau dan antarabangsa perlu ditingkatkan. Dalam hal ini, Kerajaan telahpun merangka beberapa langkah bagi meningkatkan keupayaan industri minyak dan gas tempatan supaya menjadi lebih kompetitif dan dapat bersaing untuk memenangi projek-projek di peringkat serantau dan antarabangsa. Langkah-langkah ini telah diambil kira dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas yang bakal diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada lusa, 21 Mei 2015.

Secara umumnya, langkah-langkah ini bakal meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan dari segi kepakaran dan penguasaan teknologi yang dapat memberikan kelebihan kepada syarikat-syarikat kita dalam menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian yang unik bagi

cabaran yang dihadapi dalam membangunkan lapangan minyak dan gas serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, dari sudut operasi syarikat minyak Negara iaitu PETRONAS, PETRONAS sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah sebagai langkah proaktif di dalam menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah.

Amalan ini telah mempersiapkan PETRONAS dengan persediaan yang diperlukan di dalam menghadapi kemerosotan harga minyak global semasa yang telah memberi impak kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh PETRONAS adalah seperti berikut:

**a. Dari segi penjimatan kos**

- i. pengurangan perbelanjaan modal (*CAPEX*) sehingga 15% dan operasi (*OPEX*) dalam lingkungan 15 hingga 30%; dan
- ii. penilaian semula pelaburan akan datang dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing

**b. Dari segi pengeluaran**

- i. mengekalkan tahap pengeluaran sedia ada di mana kadar pengeluaran minyak domestik PETRONAS pada masa ini

adalah sekitar 600 ribu tong sehari (2013 : 576 ribu tong sehari, 2014 : 603 ribu tong sehari)

- ii. menggiatkan usaha-usaha tertentu melalui penerusan amalan pengurusan reservoir yang efisien dan menjalankan kerja-kerja teknikal yang diperlukan bagi mengekalkan tahap pengeluaran yang sama
- iii. terus mencari peluang-peluang bagi *international ventures* bagi mendapatkan keuntungan daripada aliran pendapatan *revenue stream* yang baru.

Dengan mengambilkira usaha-usaha yang sedang dilaksana oleh Kerajaan dan juga PETRONAS, maka dijangkakan negara akan dapat mengharungi fenomena semasa penurunan harga minyak dan membantu syarikat-syarikat terlibat dalam memastikan kelangsungan industri ini.

Sekian, terima kasih.